

Pahang mahu Tasik Chini terus dipulihara

Kuantan: Kerajaan Pahang komited memastikan Tasik Chini yang diwartakan sebagai Taman Pelancongan pada 1989, dipulihara sebaik mungkin, kata Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob (**gambar**).

Serentak itu, kerajaan negeri mengarahkan Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan jabatan berkaitan lain menyediakan maklumat terkini berhubung kedudukan sebenar tasik berkenaan.

Pemantauan udara

Sambil mengumumkan beliau sendiri akan melawat Tasik Chini termasuk membuat pemantauan udara bulan depan, Adnan berkata, data terbaru UKM dan beberapa agensi kerajaan menunjukkan Tasik Chini bukan ibarat 'manusia nazak' seperti didakwa, malah kualiti airnya tidak teruk tercemar.

"Siasatan Jabatan Mineral dan Geosains negeri April lalu menunjukkan aktiviti perlombongan di tasik itu tidak mencemari kualiti air di sana. Kajian mendapati kepekatan logam pada air tasik tidak bersangkutan paut dengan aktiviti perlombongan, tetapi disebabkan keadaan semulajadinya.

Kualiti air dalam kelas dua

"Kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) pula menunjukkan kualiti air mengikut persampelan yang dibuat setiap bulan daripada 23 stesen, adalah dalam kelas dua. Bermakna ia sesuai untuk tujuan bekalan air dengan rawatan konvensional, rekreasi, perikanan dan minuman ternakan, manakala indeks kualiti air adalah dalam kategori bersih," katanya.

Isnin lalu, BH melaporkan Tasik Chini yang diiktiraf kawasan Rizab Biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bakal musnah pada 2030 akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan perladangan tidak terkawal di sekitarnya.

Kira-kira 500 penduduk Orang Asli yang mendiami persekitaran kawasan itu pula bakal 'lenyap' kerana kehilangan sumber makanan, ubat tradisional dan kesan penggunaan air tercemar.

Adnan mengakui ada kegiatan perlombongan membabitkan lima syarikat dan juga aktiviti pembalakan di tasik berkenaan, tetapi ia bukan faktor utama pencemaran air.

Sementara itu, Penyelaras Pusat Penyelidikan Tasik Chini UKM, Prof Datuk Dr Mushrifah Idris, mendakwa Transparency International-Malaysia (TI-M) membuat kenyataan kurang tepat kerana merujuk kajian awal UKM antara 2005 dan 2006.

"Kualiti air tasik sekarang lebih baik berbanding ketika kita mula bina pusat penyelidikan pada 2004. Tiada lagi bakteria e-coli selepas kita galakkan pelupusan sisa domestik teratur kepada Orang Asli," katanya yang kecewa dengan dakwaan negatif penduduk Orang Asli mengenai tasik itu.

